



**DOKUMEN PELAWAAN SEBAGAI CALON PENULIS  
BAGI PROGRAM PENERBITAN BUKU TEKS SEKOLAH RENDAH  
KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR) SEMAKAN  
KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM)  
UNTUK KEGUNAAN MULAI TAHUN 2019**

**1. Butiran Program**

**1.1 Latar Belakang**

- 1.1.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Buku Teks (BBT) telah mengamanahkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk menerbitkan buku teks sekolah rendah bagi mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahun 3 Semakan/Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 3 untuk kegunaan mulai tahun 2019.
- 1.1.2 Calon penulis yang berkebolehan, berpengalaman, berkelayakan, berkemampuan dan mempunyai kepakaran serta memenuhi syarat yang ditetapkan dipelawa menyertai program ini.

**1.2 Tajuk yang Ditawarkan**

Tajuk buku teks KSSR Tahun 3 Semakan / KSSM Tingkatan 3 untuk kegunaan mulai tahun 2019 yang ditawarkan untuk ditulis terdiri daripada lapan mata pelajaran iaitu:

**KSSR**

- Bahasa Melayu Tahun 3 SK
- Bahasa Melayu Tahun 3 SJK
- Matematik Tahun 3 SK
- Sains Tahun 3 SK
- Bahasa Arab Tahun 3
- Pendidikan Islam Tahun 3
- Pendidikan Moral Tahun 3 SK
- Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Tahun 3 SK
- Pendidikan Kesenian Tahun 3 (Seni Muzik dan Seni Visual)

## **KSSM**

- Bahasa Melayu Tingkatan 3
- Sejarah Tingkatan 3
- Pendidikan Islam Tingkatan 3
- Pendidikan Moral Tingkatan 3

### **1.3 Syarat Permohonan**

- 1.3.1 Calon penulis yang ingin menyertai program penulisan ini hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia yang berumur **tidak melebihi 60 tahun**.
- 1.3.2 Calon penulis perlu melengkapkan borang biodata penulis (**rujuk Lampiran 5**).
- 1.3.3 Permohonan tawaran hendaklah dibuat secara individu.
- 1.3.4 Calon penulis yang sedang menulis buku teks dengan penerbit lain untuk kegunaan tahun yang sama (tahun 2019) tidak layak menyertai program penulisan ini.
- 1.3.5 Calon penulis sekurang-kurangnya mempunyai sijil, diploma, ijazah dalam mata pelajaran dan bidang berkenaan. **Salinan sijil akademik yang disahkan oleh Pegawai Pengurusan dan Profesional perlu disertakan sebagai bukti kelulusan akademik**.
- 1.3.6 Calon penulis mahir dan menguasai hal-hal yang berkaitan dengan kurikulum dan pedagogi mata pelajaran berkenaan.
- 1.3.7 Calon penulis sebaik-baiknya mempunyai pengalaman menulis. **Salinan kulit buku atau hasil penulisan atau bukti yang berkaitan perlulah disahkan oleh Pegawai Pengurusan dan Profesional dan disertakan sebagai bukti hasil penulisan**.
- 1.3.8 Calon penulis mempunyai pengetahuan am yang luas dan terkini yang ada kaitannya dengan mata pelajaran berkenaan.
- 1.3.9 Calon penulis **yang dipilih mestilah sanggup menulis pakej buku teks** dalam mata pelajaran yang ditetapkan (**rujuk Lampiran 6**).
- 1.3.10 Calon penulis yang dipilih mestilah sanggup serta berkemampuan dan berkeupayaan melaksanakan tugas penulisan dalam masa yang ditetapkan.
- 1.3.11 Calon penulis yang dipilih mestilah sanggup memberikan kerjasama dan komitmen bagi menjayakan penulisan dan penerbitan buku teks dan boleh bekerja sebagai satu pasukan.

- 1.3.12 Calon penulis yang dipilih tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan kebenaran daripada pihak majikan untuk menghadiri taklimat/bengkel/mesyuarat yang dilaksanakan oleh DBP atau Bahagian Buku Teks (BBT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penulis yang tidak hadir bengkel/mesyuarat boleh digugurkan daripada program penulisan ini.
- 1.3.13 Calon penulis yang dipilih mesti mengemukakan dokumen atau surat yang telah ditandatangani oleh majikan sebagai bukti memperoleh kebenaran daripada majikan.
- 1.3.14 Calon penulis yang dipilih akan tertakluk kepada peraturan, jadual serta arahan daripada pihak DBP dan BBT, KPM dari semasa ke semasa.
- 1.3.15 Calon penulis yang dipilih bagi mata pelajaran yang sama atau berlainan mata pelajaran **bukanlah daripada pasangan suami isteri.**
- 1.3.16 Segala urusan dan kos bagi penulisan buku teks ini seperti menyediakan bahan contoh, menghadiri taklimat, mesyuarat atau bengkel yang berkaitan adalah atas tanggungan penulis sendiri melainkan diputuskan sebaliknya oleh DBP.
- 1.3.17 Pegawai DBP, serta Pegawai KPM dari BBT dan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) tidak layak untuk memohon tawaran ini.
- 1.3.18 **DBP berhak menggugurkan calon penulis yang dipilih sekiranya didapati melakukan sebarang bentuk penipuan yang berkaitan dengan permohonan.**

#### 1.4 Cara Memohon

- 1.4.1 Permohonan hendaklah dibuat secara individu. Setiap calon penulis dikehendaki menghasilkan manuskrip bahan contoh berdasarkan Panduan Penulisan, Dokumen Standard Kurikulum serta Spesifikasi Bahan Contoh yang diperoleh dalam Dokumen yang dibeli. Bahan contoh ini akan dinilai oleh Panel Penilai Bebas DBP.
- 1.4.2 Dokumen dan maklumat lanjut tentang program penulisan ini dapat dibeli dengan harga **RM53.00 bagi satu mata pelajaran.** Calon penulis boleh membeli lebih daripada satu dokumen mata pelajaran. Walau bagaimanapun, calon penulis yang berjaya hanya akan dipilih untuk satu mata pelajaran. Sebarang pertukaran mata pelajaran tidak akan dilayan.
- 1.4.3 Pembelian dokumen boleh dibuat mulai **3 hingga 30 Mei 2017.**

#### 1.4.4 Cara Pembelian:

**(a) Pembelian secara tunai**

Dokumen dan maklumat lengkap tentang program pertandingan penulisan bahan contoh ini dapat dibeli **di Bahagian Kewangan dan Bekalan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Aras 27, Menara DBP** dari pukul 9.00 pagi hingga 4.30 petang.

**(b) Pembelian secara Wang Pos/Wang Kiriman Pos**

Dokumen juga boleh dibeli dengan menggunakan Wang Pos/Wang Kiriman Pos atas nama **Dewan Bahasa dan Pustaka**. Sampul surat serahan wang pos/kiriman pos hendaklah ditulis perkataan **“PROJEK BUKU TEKS KEGUNAAN TAHUN 2019 dan nama mata pelajaran yang dimohon”** di sudut kiri sebelah atas sampul surat. Selain itu, satu **sampul surat beralamat sendiri berukuran 4 inci x 9 inci perlu disertakan. Sila hantar ke alamat:**  
Dokumen juga boleh dibeli dengan menggunakan Wang Pos/Wang Kiriman Pos atas nama **Dewan Bahasa dan Pustaka**. Sampul surat serahan wang pos/kiriman pos hendaklah ditulis perkataan **“PROJEK BUKU TEKS KEGUNAAN TAHUN 2019 dan nama mata pelajaran yang dimohon”** di sudut kiri sebelah atas sampul surat. Selain itu, satu **sampul surat beralamat sendiri berukuran 4 inci x 9 inci perlu disertakan. Sila hantar ke alamat:**

**Ketua Bahagian,**

**PROJEK BUKU TEKS KEGUNAAN TAHUN 2019  
BAHASA MELAYU TAHUN 3 SK/SJK**

**Kepada:  
Ketua Bahagian,  
Bahagian Kewangan dan Bekalan,  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Aras 27, Menara DBP,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.**

**Contoh sampul surat beralamat sendiri (untuk terimaan dokumen)**

**PROJEK BUKU TEKS KEGUNAAN TAHUN 2019  
BAHASA MELAYU TAHUN 3 SK/SJK  
(No.Tel. Penulis: 09-7659711/013-3845149)**

**Kepada:  
Azman bin Arshad,  
Kampung Selesa,  
16150 Kota Bharu,  
Kelantan.**

**(c) Pembelian secara dalam talian**

Dokumen juga boleh dibeli secara dalam talian dengan menggunakan pindahan bank melalui Bank Islam nombor akaun **14023010018002** atas nama **Tetuan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia**.

Sila nyatakan maklumat diri (nama, alamat dan nombor telefon) berserta salinan resit pindahan bank, dan e-melkan ke alamat e-mel: **zaiton3@dbp.gov.my, mariati@dbp.gov.my, ghanig@dbp.gov.my** sebagai bukti pembelian. Penghantaran dokumen pertandingan akan dibuat selepas penerimaan e-mel tersebut. Sebarang kelewatan berhubung dengan pembelian dan penyerahan dokumen melalui pos bukan tanggungjawab DBP.

## **2. Syarat Pertandingan**

- 2.1 Penulisan hendaklah asli dan tiada unsur-unsur ciplakan atau plagiat.
- 2.2 Bahan contoh yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan ditolak.
- 2.3 Manuskrip bahan contoh yang dihantar tidak akan dikembalikan.
- 2.4 Laporan penilaian adalah sulit.
- 2.5 Dua (2) hingga empat (4) orang calon penulis yang terbaik dan mengikut syarat yang ditetapkan akan dipilih dan digabungkan sebagai satu kumpulan bagi menangani satu mata pelajaran.
- 2.6 Keputusan Pertandingan Penulisan Bahan Contoh adalah **muktamad**.

### 3. Cara Menyediakan Manuskrip Bahan Contoh

Setiap calon penulis dikehendaki menghasilkan bahan contoh berdasarkan:

- L1 Spesifikasi Umum Manuskrip Bahan Contoh
- L2 Kandungan Standard Kurikulum
- L3 Panduan Penulisan Manuskrip Bahan Contoh
- L4 Aspek Penilaian Manuskrip Bahan Contoh

### 4. Cara Mengirim Manuskrip Bahan Contoh

- 4.1 Calon penulis perlu melengkapkan borang perakuan karya asli manuskrip bahan contoh (**rujuk Lampiran 7**).
- 4.2 Bahan contoh yang akan diserahkan kepada DBP hendaklah dihantar sebanyak **enam salinan** yang terdiri daripada:

BIL.	BUKU TEKS
1.	• <b>Satu (1)</b> naskhah asal berwarna dan <b>mempunyai nama penulis</b> dan judul mata pelajaran pada kulit bahan contoh.
2.	• <b>Satu (1)</b> naskhah asal berwarna berserta judul mata pelajaran pada kulit bahan contoh tetapi <b>tanpa nama</b> penulis.
3.	• <b>Empat (4)</b> salinan hitam putih berserta judul mata pelajaran pada kulit bahan contoh tetapi <b>tanpa nama</b> penulis.

- 4.3 Manuskrip bahan contoh hendaklah **dijilid kemas** mengikut nombor halaman yang berurutan dengan **kulit berwarna putih** tanpa apa-apa corak dan menggunakan **pita pelekat hitam (rujuk Lampiran 8)**.
- 4.4 Manuskrip bahan contoh yang telah disiapkan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat, ditulis perkataan “**PROJEK BUKU TEKS K.2019 dan nama mata pelajaran**” di penjuru kiri sebelah atas sampul dan dihantar melalui pos atau serahan tangan sebelum atau pada 12.30 tengah hari **31 Mei 2017 (Rabu)** kepada:

**Urus Setia  
Pertandingan Manuskrip Bahan Contoh  
Aras 27, Bahagian Kewangan dan Bekalan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jalan Dewan Bahasa  
50460 Kuala Lumpur.**

- 4.5 Bukti pos tidak akan diterima sebagai bukti penyerahan atau penyertaan.

## **5. Ganjaran**

Ganjaran penulisan akan diputuskan oleh Mesyuarat Pengurusan Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **6. Kontrak**

Penulis yang berjaya dikehendaki menandatangani borang Pelantikan dan Pengakuan Kerja antara Penulis dengan Dewan Bahasa dan Pustaka **(Lampiran 7)** sebaik sahaja ditawarkan kerja tersebut.

## **7. Keputusan Penawaran**

- 7.1 Calon penulis yang berjaya akan dimaklumkan secara rasmi pada 6 Julai 2017. Manakala, calon penulis yang tidak mendapat pemakluman selepas tarikh 31 Ogos 2017 adalah tidak berjaya.
- 7.2 Keputusan penawaran ini adalah muktamad. Walau bagaimanapun, penawaran ini tertakluk pada dasar perolehan Dewan Bahasa dan Pustaka serta Kementerian Pendidikan Malaysia.